

28/07/2001

Status bank teras UBG akan dipertimbang

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia mempertimbangkan untuk memberi status bank teras kepada Utama Banking Group Bhd (UBG), kumpulan perbankan yang berpangkalan di Sarawak.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, pemberian status itu tidak menjadi masalah jika UBG memenuhi syarat untuk melayakkannya mendapat kedudukan berkenaan.

"Jika mereka (UBG) layak, kerajaan sedia pertimbangkan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Ditanya sama ada kemungkinan kumpulan itu akan mengambil alih status bank teras daripada Kumpulan RHB Bank Bhd (RHB Bank), Dr Mahathir berkata: "Segalanya berkemungkinan".

Bagaimanapun, setakat ini belum dipastikan sama ada kedua-dua kumpulan itu diberikan status bank teras atau bergabung.

Ini kerana rundingan masih diadakan di antara UBG dan RHB Bank untuk bergabung dan jika itu menjadi kenyataan, gabungan kedua-duanya akan menghasilkan jumlah aset disatukan bernilai lebih RM60 bilion dan akan muncul sebagai kumpulan perbankan kedua terbesar tempatan selepas Kumpulan Malayan Banking Bhd.

UBG adalah anak syarikat perbankan kumpulan konglomerat Cahya Mata Sarawak (CMS).

Pada 23 Julai lalu, UBG menyatakan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) menerima tawarannya (UBG) untuk membeli 22.7 peratus kepentingan MRCB dalam Rashid Hussain Bhd (RHB) pada harga RM3.80 sesaham atau dengan jumlah RM399.483 juta secara tunai.

RHB ialah syarikat induk kepada RHB Bank.

UBG dalam pengumumannya kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kemudian berkata, pengambilalihan kepentingan itu membentuk sebahagian daripada cadangan skim penggabungan unit perbankan untuk kedua-dua kumpulan UBG dan RHB.

(END)